Bahasa Belanda

Bahasa Belanda (*Nederlands* *(bantuan·maklumat)*) telah dituturkan oleh 30 juta orang di seluruh dunia dengan menggunakan bahasa Belanda dan menjadi bahasa keenam paling kerap dituturkan di Eropah Barat. Kira-kira 60 peratus populasi di negara jiran iaitu Belgium dan Suriname juga menuturkan bahasa Belanda. Dianggarkan lebih 16 juta orang yang tinggal di Belanda termasuklah komuniti di Indonesia dan Afrika Selatan yang menggunakan bahasa Belanda. Bahasa Belanda yang dituturkan orang Belgium dipanggil Bahasa Flemish (*Vlaamse*) manakala di Afrika Selatan pula dikenali sebagai Bahasa Afrikaans (*Afrikaans*).

Manakala Stadfries adalah set dialek orang di Friesland iaitu terletak di utara Belanda. Ia adalah gabungan bahasa Belanda dengan bahasa asli Frisian. Maka, terhasilah campuran perbendaharaan kata Hollandic dan tatabahasa Frisian Barat serta prinsip bahasa lain. Hakikatnya, antara semua bahasa daripada rumpun bahasa Germanik, bahasa Frisia paling hampir dengan bahasa Inggeris.

Bagaimanapun, orang Belanda juga bertutur beberapa bahasa lain untuk memudahkan komunikasi dengan pelbagai golongan kosmopolitan di mana 90 peratus warga Belanda fasih berbahasa Inggeris dan bahasa Jerman.

Sejarah

Rencana utama: Sejarah bahasa Belanda

Sejarah dari bahasa Belanda bermula sekitar 450/500 M, selepas Frankish Kuno, salah satu dari kebanyakan puak bahasa Jermanik Barat, telah terpisah oleh peralihan Konsonan Jermanik Kedua sementara pada lebih atau kurang masa sama hukum Ingvaeonic nasal spirant membawa kepada pembangunan dari moyang terus dari Saxon Rendah, Frisia dan Inggeris.

Rujukan

- Kembara Khazanah Belanda m/s 142

Bahasa Belanda

Nederlands

Sebutan	*akan ditambah*
Asli di	Belanda, Belgium, Suriname, Aruba, Netherlands Antilles, Indonesia, Perancis, Jerman, Guyana Timur
Penutur asli	26 juta (2006) (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Bahasa Indo-Eropah ▪ Jermanik ▪ Jermanik Barat ▪ Franconian Rendah ▪ **Bahasa Belanda**
Sistem penulisan	Huruf Latin (Belanda Pelbagaian)

Status rasmi

Bahasa rasmi di	Aruba, Belgium, Kesatuan Eropah, Belanda, Suriname, Antillen Belanda, Suriname
Dikawal oleh	Nederlandse Taalunie (Kesatuan Bahasa Belanda)

Kod bahasa

ISO 639-1	`nl`
ISO 639-2	`dut (B)` `nld (T)`

[[File:

Peta dari tempat utama dimana Belanda dituturkan

|300px]]

Wikipedia ***Bahasa Belanda***, ensiklopedia bebas

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Belanda&oldid=4295224"

Laman ini kali terakhir disunting pada 02:38, 16 Februari 2018.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.